

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI  
[KUDAT]**

**TARIKH : 1.11.2016 (SELASA)**

**NO. SOALAN : 39**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah jalan Mempakad-Pinapak-Nibang, Pitas akan dilaksanakan dan bilakah ianya dijangka siap sepenuhnya.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan Jalan Pinapak, Pitas telah dilaksanakan pada tahun 2012 dan siap pelaksanaan pada April 2013. Jalan sepanjang 9.0 km berturap dengan piawai JKR R2 disediakan dengan kos sebanyak RM13,621,537.00. Manakala Pembinaan Jalan Nibang, Pitas telah dilaksanakan pada tahun 2011 dan siap pelaksanaan pada tahun 2012. Sepanjang 6.0 km jalan berturap dengan piawai JKR R2 disediakan dengan kos sebanyak RM13,269,187.00.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, pelaksanaan Projek Jalan Nibang, Pitas (Fasa 2) telah dimulakan dengan kerja-kerja pembersihan tapak. Pembinaan jalan sepanjang 18.8 km dengan piawai JKR R2 dengan kos sebanyak RM98,373,600.00 ini dijangka siap pada tahun 2018.